



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN TAHUNAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN 2023



"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

UCAPAN PENGARAH 04

Ucapan penghargaan Pengarah JAS Wilayah Persekutuan Labuan

PENGARAH 2023 05

Senarai Pengarah yang pernah berkhidmat di Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan.

VISI & MISI 06

Visi dan Misi Jabatan Alam Sekitar

FUNGSI DAN STRATEGI 06

Menerangkan tentang fungsi dan strategi Jabatan Alam Sekitar.

MOTO DAN DASAR ALAM SEKITAR 07

Maklumat mengenai dasar alam sekitar di Jabatan Alam Sekitar

TUJUAN DASAR ALAM SEKITAR NEGARA 07

Maklumat tujuan dasar alam sekitar di Jabatan Alam Sekitar

8 PRINSIP DASAR ALAM SEKITAR NEGARA 07

Maklumat 8 Prinsip di dalam dasar alam sekitar di Jabatan Alam Sekitar

STRUKTUR ORGANISASI 09

Maklumat pentadbiran di Jabatan Alam Sekitar

PENGURUSAN KEWANGAN 18

Maklumat Pengurusan Kewangan di Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan

PROGRAM KERJA TAHUNAN 19

Maklumat program yang dilakukan sepanjang tahun 2023

SASARAN PROGRAM KERJA TAHUNAN 2023 20

Maklumat sasaran program bagi penguatkuasaan dan pencegahan di Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan

LATIHAN INDUSTRI PELAJAR IPT 33

Maklumat pelajar latihan industri di Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan

PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN 34

Maklumat berkenaan perpustakaan di Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan

CARTA ORGANISASI 36

Maklumat Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan

PETIKAN UCAPAN PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Satu Malaysia,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat illahi dan tahniah kerana Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2023 dapat disempurnakan. Laporan ini merupakan cerminan komitmen dan usaha berterusan kita dalam memelihara dan memulihara alam sekitar demi kesejahteraan dan kelestarian negara.

Tahun ini, Jabatan Alam Sekitar telah menghadapi pelbagai cabaran namun dengan kerjasama dan dedikasi seluruh warga jabatan, kita berjaya melangkaui jangkauan dan mencapai beberapa kejayaan penting. Laporan ini menggariskan pencapaian utama serta inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan sepanjang tahun dalam usaha kita untuk memastikan kelestarian alam sekitar terjamin.

Pelbagai usaha pencegahan dan pengawalan serta pemantauan kawalan pencemaran diteruskan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan pematuhan yang berterusan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Penguatkuasaan undang-undang terus dipertingkatkan dan diperkemas dari tahun ke tahun bagi mencapai Key Performance Indicators (KPI) yang telah ditetapkan. Penerbitan laporan ini diharap dapat memberi input dan maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti serta usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan dalam menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 sepanjang tahun 2023.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama padu kepada Jabatan Alam Sekitar. Tanpa sumbangan dan komitmen anda, segala usaha dan pencapaian ini tidak mungkin tercapai.

Marilah kita teruskan usaha dan kerjasama ini agar kita dapat menghadapi cabaran masa depan dengan lebih yakin dan berkesan. Semoga laporan ini dapat menjadi panduan dan rujukan dalam meningkatkan lagi usaha kita dalam memelihara dan memulihara alam sekitar.

Sekian, Terima Kasih.

(Mejar Bersekutu (PA) ZULFADZLI BIN ZAKARIA,
B.C.K., MY-CISEC., CePEOEIA)
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan



**PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH
PERSEKUTUAN LABUAN TAHUN 2023**



Encik Hamzah bin Musa

Berkhidmat pada Julai 2017 sehingga Mei 2023



Encik Yaras bin Yusup

Berkhidmat pada Mei 2023 sehingga Januari 2024



JABATAN ALAM SEKITAR BAHAGIAN NEGERI W.P. LABUAN PROGRAM KERJA TAHUNAN 2023

MISI

Pemuliharaan Alam Sekitar
Untuk Kesejahteraan
Rakyat


VISI

Memastikan
Pembangunan Lestari di
dalam Proses Memajukan
Negara


FUNGSI

Mentadbir dan
menguatkuasakan Akta Kualiti
Alam Sekeliling 1974 dan
Bahagian IV Akta Zon Ekonomi
Eksklusif 1984.


STRATEGI JABATAN ALAM SEKITAR




Pembangunan lestari melalui pemuliharaan
sumber semulajadi




Integrasi faktor alam sekitar dalam perancangan
pembangunan



Penyertaan awam dalam pengurusan alam
sekitar



Promosi pendidikan dan kesedaran alam sekitar



Pencegahan dan kawalan pencemaran

MOTO JABATAN ALAM SEKITAR

Pemeliharaan Alam Sekitar Tanggungjawab
Bersama

DASAR ALAM SEKITAR NEGARA (DASN)

Diwujudkan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari


TUJUAN DASAR ALAM SEKITAR NEGARA (DASN)

Alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan


Pemuliharaan kebudayaan dan warisan semulajadi yang unik dan pelbagai dengan penyertaan berkesan semua sektor masyarakat

Cara hidup, pola penggunaan dan pengeluaran yang lestari


8 PRINSIP DASAR ALAM SEKITAR NEGARA (DASN)




Pengawasan Alam Sekitar




Pemuliharaan Ketahanan dan Kepelbagaian Alam




Peningkatan Berterusan Kualiti Alam Sekitar




Penggunaan Mapan Sumber-Sumber Asli




Penyertaan Aktif dalam Masyarakat Antarabangsa



Peranan Sektor Swasta



Komitmen dan Kebertanggungjawaban



Membuat Keputusan Bersepadu

1.0 STRUKTUR ORGANISASI

1.1 PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Pentadbiran Am

Fungsi dan peranan bahagian ini meliputi pengurusan pejabat, kewangan, sumber manusia, peralatan dan bahan.

Struktur Organisasi

Organisasi jabatan ini diketuai oleh seorang Pegawai Kawalan Kanan (C48) selaku Pengarah dan dibantu oleh seorang Pegawai Kawalan (C41) dan dibahagikan kepada tiga (3) unit iaitu Unit Pentadbiran, Unit Pembangunan dan Unit Penguatkuasaan. Struktur organisasi Jabatan Alam Sekitar (JAS) Wilayah Persekutuan Labuan boleh dilihat pada LAMPIRAN A

SUMBER MANUSIA

Jumlah perjawatan kakitangan di W.P. Labuan pada tahun 2023 terdiri dari seorang Pengarah iaitu Pegawai Kawalan Kanan (C48) dan seorang Pegawai Kawalan (C41), 1 orang Penolong Pegawai Kanan Tertinggi (C38), 1 orang Penolong Pegawai Kanan (C32), 2 orang Penolong Pegawai Kawalan (C29), 4 orang Penolong Jurutera (JA29), seorang Pembantu Tadbir (N22), seorang Pembantu Tadbir Kewangan (W17) dan seorang Pemandu (R3).

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Bagi meningkatkan kemahiran pengetahuan dan kompetensi pegawai dan kakitangan JAS Labuan telah dihantar mengikuti kursus, seminar dan bengkel yang dianjurkan Jabatan atau agensi lain. Sepanjang tahun 2023, pelbagai kursus, seminar dan bengkel telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan JAS Labuan. Jadual 1 menunjukkan senarai kursus yang telah dihadiri.

Bil	Tarikh	Perkara	Tempat	Pega wai
1	29/01/2023- 31/01/2023	Bengkel Hands On Penggunaan Sistem Ekas Baharu Jabatan Alam Sekitar Siri 2	Kometsoft (M) Sdn. Bhd.	PPK MS
2	08/02/2023	Latihan Dalam Talian Pentadbir Sistem Latihan Bersepadu (SLB) Siri 1	EIMAS	PPK MS
3	06/03/2023 -08/03/2023	Pengurusan Perakaunan Terimaan Hasil Sektor Awam	Jabatan Akauntan Negara Cawangan Labuan	PT AMB
4	06/03/2023- 09/03/2023	Kursus Pengurusan Aset Alih & Stor Kerajaan (E-pempelajaran)	E- pembelajar an	PPK MS
5	08/03/2023- 10/03/2023	Bengkel Oiled Wildlife Response Wilayah Sabah Dan Labuan	SICC Kota Kinabalu Sabah	PJ OJ & PJ JA
6	14/03/2023- 15/03/2023	Bengkel Penyelarasan Pelaksanaan Mekanisme Pengurusan Buangan Peralatan Elektrik Dan Elektronik Di Malaysia	Hotel Melia, Kuala Lumpur	PPKK SRMS

Bil	Tarikh	Perkara	Tempat	Pegawai
7	04/04/2023	Program Ihya'Ramadhan Tahun 2023 – Hikmah Berpuasa	Pejabat Mufti, WP Labuan	PK NM
8	06/04/2023	Program Ihya'Ramadhan-Nuzul Quran	Pejabat Mufti, WP Labuan	PK NM & PJ AS
9	11/04/2023	Program Ihya'Ramadhan - Ibadat Sunat Di Bulan Ramadhan	Pejabat Mufti, WP Labuan	PK NM & PJ AS
10	12/04/2023	Jemputan Ke Sesi Konsultasi Program Pembangunan Psikologi Perkhidmatan	Online	PJ OJ
11	13/04/2023	Program Ihya 'Ramadan-Muhasabah Ramadhan	Pejabat Mufti, WP Labuan	PK NM & PJ AS
12	17/04/2023	Sesi Perkongsian Ilmu Berkaitan Mental Health: Punca Dan Cara Mengatasinya	Dewan Baiduri	PK NM

Bil	Tarikh	Perkara	Tempat	Pegawai
13	05/05/2023	Perhimpunan Bulanan Bil 1/2023	Jabatan Alam Sekitar, Wilayah Persekutuan Labuan	PK NM
14	09/05/2023 -11/05/2023	Bengkel Bagi Membincangkan Draf Peraturan Kawalan Pencemaran Minyak Di Laut Dan Draf Peraturan Kadar Caruman Alam Sekitar Di Bawah Projek RMKE-12	Hotel Concorde	Pgh YY
15	15/05/2023 - 17/05/2023	IGFMAS: Modul Ar (Accounts Receivable)	Jabatan Akauntan Negara Cawangan Wp Labuan	PT AMB
16	16/05/2023 -18/05/2023	Kursus Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA) Peringkat Lanjutan Jabatan Alam Sekitar Tahun 2023	Jas Ibu Pejabat	PPK MS

Bil	Tarikh	Perkara	Tempat	Pegawai
17	23/05/2023- 25/05/2023	Bengkel Latihan Penggunaan Aplikasi Oilmap For Oil Spill Trajectory Bagi Zon Borneo	Hotel Meritz	PJ JA
18	29/05/2023- 02/06/2023	Kursus Certified Profesional Environmental Officer In EIA Project Development (CEPEOEIA) - Pegawai Jas	Kelana Resort Hotel, Seremban	PPKT LJ
19	12/06/2023- 14/06/2023	Pembentukan Dokumen Analisa Impak Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) (Penilaian EIA)	Hotel Sri Puteri Melaka	Pgh YY & PPKK SRMS
20	12/06/2023- 14/06/2023	Program Pemantapan Teknologi Dron Dalam Pengurusan Imej Raster Di Jabatan	Hotel Adya, Langkawi	PJ AS

Bil	Tarikh	Perkara	Tempat	Pegawai
21	15/06/2023	Seminar Memperkasakan Komuniti Menangani Penyakit Demam Denggi Dan Malaria	Hospital WP Labuan	PK NM, PMD ACT
22	19/06/2023- 23/06/2023	Bengkel Latihan Program Pengawasankualiti Alam Sekitar	Raia Hotel Kota Kinabalu	PJ GOG
23	24/06/2023	Program Jom Bersih	UMSKL, WP Labuan	PK NM
24	04/07/2023- 05/07/2023	Bengkel Semakan Prosedur Operasi Tetap (SOP) Program Pengawasan Air Tanah Jabatan Alam Sekitar	Bilik Mesyuarat Cempaka	Pgh YY
25	04/07/2023- 06/07/2023	Prinsip Dan Pengurusan Perolehan Kerajaan	Bilik Mesyuarat Cempaka	Pgh YY

Bil	Tarikh	Perkara	Tempat	Pegawai
26	14/07/2023- 15/07/2023	Program Kem Kesedaran Alam Sekitar (Kekas)	Hotel Palm Beach Dan Spa	PK NM, PMD ACT, PT AMB, Pgh YY, PPKT LJ, PPKK SRMS, PPK MS, PPK MMA, PJ AS, PJ JA, PJ GOG, PJ OJ
27	29/07/2023- 30/07/2023	Hari Bertemu Pelanggan Perbadanan Labuan	Kompleks Ujana Kewangan	PK NM
28	01/08/2023- 03/08/2023	Kursus Sistem Geospatial Alam Sekitar (MYGEOSPAS)	Institut Alam Sekitar Malaysia (EIMAS)	PJ AS
29	22/08/2023- 24/8/2023	Kursus Kemerlangan Diri	Intan Tadbiran Awam Negara (Intan) Sabah	PMD ACT
30	11/09/2023- 15/09/2023	Kursus Pemahaman Dan Kemahiran Tangkapan - Maktab Pdrm	Institut Alam Sekitar Malaysia (EIMAS)	PPK MS, PJ JA

Bil	Tarikh	Perkara	Tempat	Pegawai
31	20/09/2023- 22/09/2023	Bengkel Pembangunan Kapasiti Penguatkuasaan Refrigeren	Avante Hotel	PPK MMA
32	05/10/2023	Kursus Teknik Pemeriksaan Saksi	Atas Talian	PPKT LJ
33	02/10/2023 -10/10/2023	Kursus Certified Professional In Sewage Treatment Plant Inspection (CEPSTPI)	Institut Alam Sekitar Malaysia (Emas)	PJ JA
34	18/10/2023- 19/10/2023	Sesi Latihan 'Hands On' Penggunaan Sistem Pemantauan EIA (SPEIA) Bagi Projek Perintis Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan	Bilik Mesyuarat Jas WP Labuan	PK NAMYD, PPKK SRMS, PJ JA, PJ OJ

Bil	Tarikh	Perkara	Tempat	Pegawai
35	07/11/2023- 09/11/2023	Kursus Profesionalisme Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) (DSO 1001), Siri 6/2023 Anjuran Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia.	Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia, Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan.	PK NAMYD
36	12/12/2023	Bengkel Latihan Peralatan Multiprobe (YSI Pro DSS) Zon C	Bilik Mesyuarat Jas WP Labuan	PK NAMYD, PPKT LJ, PPKK SRMS, PPK MS, PPK MMA, PJ AS, PJ JA, PJ GOG, PJ OJ

Jadual 1 : Senarai Kursus Dan Bengkel Yang Dihadiri Oleh Pegawai JAS WP Labuan


2.0 PENGURUSAN KEWANGAN

PENGURUSAN KEWANGAN

Pada tahun 2023, JAS W.P. Labuan telah menerima peruntukan kewangan sebanyak RM 1,398,752.48 bagi dasar sedia ada dan pembangunan. Dari peruntukan yang diterima 100% telah dibelanjakan.

HASIL

Sepanjang tahun 2023, JAS Labuan telah mengutip hasil keseluruhan sebanyak RM 60,200.00. Kutipan ini diterima dari bayaran berkaitan lesen dan bayaran kompaun. 93% hasil yang diterima adalah dari bayaran kompaun, 7% adalah dari bayaran berkaitan pelesenan.



Rajah 1: Graf Kewangan JAS WP Labuan 2023

3.0 PROGRAM KERJA TAHUNAN

Bagi tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar Negeri W.P. Labuan telah merangka dan melaksanakan program-program pencegahan, kawalan serta pengurusan alam sekitar seperti berikut:

1. Program pengawalan dan penguatkuasaan undang-undang
2. Program pencegahan (termasuk hal Pembangunan, Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA)

3.1 PROGRAM KAWALAN DAN PENGUATKUASAAN

Program dijalankan bagi memastikan tahap pematuhan oleh punca-punca pencemaran terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Peraturan-peraturan di bawahnya. Sasaran ke atas punca-punca pencemaran yang diperiksa adalah punca-punca tetap seperti kilang-kilang perusahaan/pembuatan.

Setelah kerja-kerja mengemaskini inventori dijalankan sepanjang tahun 2023, jumlah punca tetap yang aktif beroperasi di Negeri W.P. Labuan ialah sebanyak 415 punca. Dalam rangka untuk mengimbangi jumlah bilangan kilang dengan bilangan pegawai penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar Negeri W.P. Labuan, program penguatkuasaan ke atas punca tetap disediakan berpandukan kepada senarai keutamaan dan kategori sepertimana yang termaktub dalam Prosedur Tetap Operasi Pemeriksaan dan Siasatan (Terbitan JAS) dengan berpandukan kriteria-kriteria berikut:

- a) Premis yang sangat bermasalah
- b) Premis Sederhana Bermasalah
- c) Premis Tidak Bermasalah
- d) Punca Baru
- e) Punca Tidak Direkodkan

3.2 PROGRAM PENCEGAHAN

Program ini bertujuan untuk memberi input dan menerapkan usaha pemeliharaan alam sekitar. Antara aktiviti adalah:

- A) Pembangunan dan Penilaian Kesan Alam Sekitar
- B) Pengawasan Alam Sekitar
- C) Pendidikan dan Program Kesedaran Alam Sekitar

4.0 SASARAN PROGRAM KERJA TAHUNAN 2023

4.1 PENGUATKUASAAN

Industri utama di Wilayah Persekutuan Labuan adalah berasaskan aktiviti minyak dan gas serta perkapalan. Perkembangan sektor minyak dan di sekitar perairan Labuan telah meningkat dengan ketara. Ekoran daripada itu, penghasilan Buangan Terjadual turut meningkat. Pelaksanaan program penguatkuasaan adalah berpandukan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang mana di Labuan terdapat tujuh (7) punca dengan tumpuan utama diberikan kepada punca-punca daripada industri minyak dan gas yang melibatkan pengurusan Buangan Terjadual.

A) Penguatkuasaan Premis Yang Ditetapkan (PYDT)

Terdapat empat (4) punca premis yang ditetapkan (kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual) dan empat (4) punca premis yang ditetapkan (kontraktor pengangkut buangan terjadual) yang telah dilesenkan Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan. Sepanjang tahun 2023, lawatan penguatkuasaan telah dijalankan ke semua premis tersebut dan didapati mematuhi syarat lesen yang dikeluarkan. Hanya satu (1) premis yang tidak mematuhi syarat lesen dan tindakan menggantung lesen telah diambil. Namun begitu, penggantungan lesen ditarik semula selepas premis tersebut mematuhi semua syarat lesen yang perlu dipatuhi.

B) Penguatkuasaan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)

I) Pematuhan Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Sepanjang tahun 2023, empat belas (14) lawatan penguatkuasaan telah dibuat ke premis-premis yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Dari lawatan penguatkuasaan ini terdapat premis yang tidak patuh. Antara penyumbang kepada ketidak patuhan premis-premis ini adalah kurang penyelenggaraan terhadap alat kawalan dan alat kawalan yang kurang cekap.

II) Pematuhan Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Tahun 2023, tujuh (7) lawatan penguatkuasaan telah dibuat ke premis yang menghasilkan efluen perindustrian. Premis-premis ini tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Sepanjang tahun 2023, dari lawatan penguatkuasaan yang dilaksanakan mendapati tahap pematuhan keseluruhannya adalah 72%.

III) Pematuhan Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009

Di W.P Labuan, terdapat tiga puluh empat (34) premis loji kumbahan yang di bawah kendalian Indah Water Konsortium dan kendalian swasta. Premis-premis ini tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Sepanjang tahun 2023, sebanyak dua puluh (20) lawatan penguatkuasaan ke premis loji kumbahan telah dijalankan dan didapati tahap pematuhan keseluruhannya bagi premis yang tertakluk di bawah peraturan kumbahan ini adalah patuh.

IV) Pematuhan Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005


Di Labuan, terdapat 266 premis yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Sepanjang tahun 2023 sejumlah 4918.8338 MT buangan terjadual telah dihasilkan. Berdasarkan rekod inventori, industri minyak dan gas merupakan industri yang paling banyak menghasilkan buangan terjadual diikuti dengan industri automotif/bengkel, industri petrokimia, hospital dan industri perkapalan. Daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh industri, bengkel dan hospital ini sebanyak 40 jenis kod buangan terjadual dihasilkan Labuan yang terdiri dari kategori SW1, SW2, SW3 SW4 dan SW 5.



Rajah 2: Graf Penguatkuasaan PYBDT JAS Labuan 2023

C) Penguatkuasaan UKB (Unit Kenderaan Bermotor)

Selain melaksanakan program penguatkuasaan punca tetap, program penguatkuasaan punca-punca bergerak bagi kenderaan yang berenjin diesel dan enjin petrol turut dijalankan dengan Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan. Berikut adalah pencapaian unit UKB pada tahun 2023 bagi JAS W.P. Labuan.



Rajah 3: Graf Penguatkuasaan Operasi UKB JAS W.P. Labuan 2023


OPERASI/ BIL	OPS CATAT / KAMERA VIDEO	OPS FLEET OPERATOR	OPS KYDL / PUSPAKOM	OPS PERATURAN 16	OPS REFRIGERENT	OPS STATIK	UJI SAKSI PUSPAKOM	PERSAMPELAN MINYAK	JUMLAH
KPI HQ	153	2	1	12	2	12	38	0	220
PENCAPAIAN	152	0	1	10	3	10	9	0	185
%	99.35	0.00	100.00	83.33	150.00	83.33	23.68	100.00	84.09
									79.96

D) Operasi Pencegahan Pembakaran Terbuka

Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan telah menyediakan Pelan Pencegahan Pembakaran Terbuka yang bertujuan mengawal kejadian jerebu khususnya di kawasan sensitif yang sering berlaku. Mengikut rekod pada 2023, sebanyak dua belas (12) kes pembakaran terbuka telah dikesan di Labuan yang melibatkan kawasan kampung, perumahan dan tapak pelupusan sampah dan industri. Semua aduan telah disiasat mengikut tempoh piagam yang ditetapkan. Permohonan untuk melakukan pembakaran terbuka juga telah diterima dan diluluskan iaitu sebanyak dua (2) permohonan bagi tujuan latihan/kursus kebakaran dan pelupusan barang kes.

E) Aduan Pencemaran

Pada tahun 2023, sebanyak dua belas (12) aduan telah diterima oleh JAS W.P. Labuan. Dari jumlah tersebut, lima (5) aduan diterima berkaitan dengan pencemaran udara, satu (1) berkaitan pencemaran air, dua (2) berkaitan tumpahan minyak am, dua (2) tumpahan minyak marin, dua (2) berkaitan buangan terjadual dan satu (1) lain-lain aduan. Semua aduan telah disiasat mengikut tempoh piagam yang ditetapkan dimana Field Citation (FC) dan Notis Arahan (NA) telah dikeluarkan.



Rajah 4: Graf Aduan Diterima JAS WP Labuan 2023

F) Kompaun Dan Tindakan Mahkamah

Pada tahun 2023, sebanyak dua puluh enam (26) kompaun telah dikeluarkan oleh JAS W.P. Labuan atas pelbagai kesalahan yang boleh dikompaun dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan di bawahnya. Kutipan bayaran kompaun sebanyak RM 31.500 telah diperolehi. Manakala tiada kes mahkamah yang difailkan pada tahun 2023.

Bagi ringkasan keseluruhan Program Kerja Tahunan Unit Penguatkuasaan JAS WP Labuan bagi tahun 2023 ditunjukkan dalam Lampiran B.

5.0 PROGRAM PENCEGAHAN

5.1 PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR DAN PEMBANGUNAN

Penilaian Alam Sekitar

Penilaian alam sekitar adalah satu kaedah yang digunakan untuk menilai kesesuaian sesuatu projek pembangunan bagi projek-projek baru dan pembesaran projek sedia ada dengan mengenalpasti kesan terhadap alam sekitar supaya langkah kawalan dan pencegahan dapat dilaksanakan sebelum projek dimulakan. Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan memainkan peranan penting dalam memberi input dan syor pelaksanaan kepada agensi lain bagi memastikan perancangan dan pembangunan projek dilaksanakan mengikut garis panduan ditetapkan. Peranan ini dilaksanakan berpandukan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Garis Panduan Penempatan dan Pengezonan dan arahan yang ditetapkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar di Putrajaya.

Input dan syor pelaksanaan ini dibuat melalui penilaian yang merangkumi laporan EIA bagi aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti-Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 dan Penilaian Awal Tapak (PAT). JAS Labuan juga memproses Kebenaran Bertulis dan Kelulusan Bertulis untuk pembinaan dan pemasangan Sistem Pengolahan Efluen (SPE), Alat Pembakaran Bahanapi (APB) dan Alat Kawalan Pencemaran (AKP) bagi industri untuk memastikan ianya dilaksanakan mengikut keupayaan dan spesifikasi yang ditetapkan.

I) Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)

Bagi memenuhi kehendak Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan perintah yang berkaitan, pihak pemaju projek (projek yang dikategorikan sebagai aktiviti yang ditetapkan) hendaklah mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) kepada JAS untuk kelulusan sebelum sesuatu projek boleh dilaksanakan. Tujuan EIA ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti, meramal, menilai dan memberi maklumat tentang kesan-kesan ke atas alam sekitar bagi sesuatu projek yang dilaksanakan.

Pada tahun 2023, JAS Labuan telah menerima memproses dan meluluskan satu (1) Laporan EIA. Manakala Laporan 'Environmental Management Plan' (EMP) diterima untuk semakan dan ulasan bagi projek-projek yang telah diluluskan dalam laporan EIA adalah sebanyak satu (1) laporan.

li) Penguatkuasaan Post-EIA

Tahun 2023, JAS Labuan telah melaksanakan lapan (8) lawatan post- EIA bagi projek-projek yang tertakluk di bawah EIA. . Dari lawatan penguatkuasaan ini, enam (6) projek mematuhi syarat-syarat EIA yang telah dikeluarkan manakala dua (2) tidak mematuhi syarat-syarat EIA.

III) Input Pembangunan


Bagi projek pembinaan dan pembangunan yang tidak tertakluk di bawah EIA, perlu dirujuk terlebih dahulu kepada Jabatan Alam Sekitar bagi menilai kesesuaian tapak yang dicadangkan dari segi aspek alam sekitar. Permohonan ini dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar oleh Perbadanan Labuan untuk ulasan. Dalam tahun 2023, sebanyak tujuh puluh satu (71) permohonan telah diterima dan diproses untuk ulasan JAS Labuan. Projek ini meliputi, lot-lot kedai, rumah ibadat, dewan serbaguna, gudang, kawasan inap desa, loji, kawasan pengumpulan dan lain-lain

IV) Kebenaran Bertulis (KB-SPE)

Pada penghujung 2009, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan Dan Efluen Perindustrian) 1979 telah dipinda kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Di bawah Peraturan baru ini, pada tahun 2010 Kebenaran Bertulis (KB) bagi pemasangan Sistem Pengolahan Efluen (SPE) tidak dikeluarkan lagi, dimana hanya notifikasi sahaja yang perlu dihantar kepada Jabatan Alam Sekitar. Pada tahun 2023, JAS Labuan tidak menerima sebarang notifikasi berkaitan Sistem Pengolahan Efluen (SPE).

I) Kelulusan Bertulis (KB-APB)

Di bawah Peraturan 36 & 38 Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, setiap pemasangan, penempatan semula atau mengubah peralatan pembakaran bahanapi seperti dandang, janakuasa, insinerator, alat kawalan pencemaran udara dan cerobong mestilah terlebih dahulu mendapat Kelulusan Bertulis (KB) dari Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan pembinaan dan pemasangannya dipasang mengikut keupayaan dan kecekapan sistem. Sebanyak enam (6) permohonan Pemberitahuan Bertulis diterima. Sebanyak empat (4) permohonan merujuk kepada pemasangan alat kawalan pencemaran udara dan dua (2) merujuk kepada pemasangan janakuasa.



Rajah 5: Graf Penilaian Kesan Alam Sekitar dan Pembangunan

5.2 PENGAWASAN ALAM SEKITAR

Di Wilayah Persekutuan Labuan tugas memantau kualiti air tanah telah dilaksanakan oleh Unit Pendidikan Dan Pengawasan. Unit ini diberi tanggungjawab untuk melaksanakan program pengawasan mengikut frekuensi yang telah ditetapkan pada setiap tahun. Program Pengawasan perairan daratan tidak dilaksanakan berikutan tidak wujud lembangan sungai di Labuan. Kerja-kerja pengawasan ini dirancang untuk menjaga dan memantau kepentingan dan keperluan dari segi faktor sensitiviti alam sekitar, ekonomi, kesihatan, keselamatan dan pelancongan di Pulau Labuan. Data-data yang diperolehi dari program pengawasan ini akan menjadi sumber rujukan Unit Penguatkuasaan untuk merangka strategi program penguatkuasaan dan juga menjadi sumber rujukan agensi-agensi lain dan Institusi Pengajian Tinggi.

l) Pengawasan Air Tanah

Program Pengawasan Air Tanah di W.P. Labuan melibatkan satu (1) stesen sahaja iaitu di Asian Supply Base (ASB). Stesen ini termasuk dalam kategori kawasan perindustrian. Kekekapan program pengawasan tahun 2023 dilaksanakan sebanyak empat (4) frekuensi. Setiap stesen akan melibatkan tujuh (7) persampelan yang akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa. Selain sampel yang dihantar ke Jabatan Kimia untuk analisa makmal ujan in-stu juga dibuat di lapangan. Penempatan stesen ini adalah berdasarkan kepada aktiviti dan guna tanah di kawasan tersebut. Secara keseluruhan kualiti air tanah di Labuan adalah dalam keadaan baik

Bil	Lokasi Stesen
1	Asian Supply Base (ASB) NO, ID STESEN MW (7) H511509-1-6

5.3 PENDIDIKAN DAN PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR

Pendidikan dan penyebaran maklumat alam sekitar merupakan antara aktiviti atau program yang penting dalam pengurusan alam sekitar. Program ini bertujuan untuk memaklumkan dan menimbulkan kesedaran kepada masyarakat umum tentang kepentingan memulihara dan menjaga keharmonian alam sekitar. Dalam Program Pendidikan sepanjang tahun 2023, kumpulan sasaran bagi kempen kesedaran ini melibatkan pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi awam dan pihak industri. Selain itu, kempen kesedaran kepada orang awam juga telah dilaksanakan melalui hebahan di radio, pameran alam sekitar, pengedaran risalah-risalah, ceramah dan bengkel.

a) Sambutan Hari Alam Sekitar

Sambutan Hari Alam Sekitar merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia. HASN diadakan bagi memberi kesedaran kepada seluruh rakyat Malaysia mengenai alam sekitar kita yang perlu dijaga. Selain itu, ianya juga diadakan untuk mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas.


Di samping itu, HAS juga diadakan bagi menyediakan platform kepada orang ramai untuk bersama-sama menghayati alam sekitar. HAS juga merupakan satu program untuk mengiktiraf masyarakat yang telah berkhidmat kepada masyarakat yang telah memberi sumbangan dan jasa kepada pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap alam sekitar. telah didakan bagi menarik minat seluruh masyarakat untuk berganding bahu menjadikan alam sekitar lebih baik.

Pada tahun 2023, Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan telah menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia dan Hari Alam Sekitar Negara. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program ini.

- i) Hari Alam Sekitar Sedunia
- ii) Hari Alam Sekitar Negara



Gambar 1 : Aktiviti sempena Hari Alam Sekitar Sedunia



Gambar 2 : Aktiviti sempena Hari Alam Sekitar Sedunia

- a) Sambutan Hari Bumi
- b) Sambutan Hari Ozon Sedunia

Hari Ozon disambut pada setiap 16 September setiap tahun. Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan juga tidak ketinggalan mengadakan program pada 7 September bersama masyarakat setempat untuk memastikan kesedaran terhadap pemanasan global ini dapat ditingkatkan. Tema tahun 2023 ini adalah “Montreal Protocol@35: Global Cooperation Protecting Life on Earth. Tema ini menunjukkan sumbangan Protokol Montreal dalam melindungi lapisan ozon dan menangani perubahan iklim serta keperluan kolaborasi dan kerjasama global untuk sama-sama menangani isu alam sekitar dan melindungi semua hidupan di atas bumi untuk kepentingan generasi akan datang.



Gambar 3 : Aktiviti sempena Hari Ozon Sedunia



Gambar 4 : Aktiviti sempena Hari Ozon Sedunia



Gambar 5 : Aktiviti pembersihan pantai

d) Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik (BEE)



Gambar 6 : Aktiviti pengumpulan E-waste



Gambar 7 : Aktiviti pengumpulan E-waste



Gambar 8 : Aktiviti pengumpulan E-waste

e) Ceramah Alam Sekitar


Selain melaksanakan kem kesedaran Alam Sekitar dan aktiviti sempena Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia, JAS Labuan juga telah mengadakan ceramah-ceramah berkaitan alam sekitar sekolah dan industri di Labuan. Pada tahun 2023, sebanyak lapan belas (18) sesi ceramah telah dilaksanakan di sekolah dan juga jemputan dari pihak di sekolah dan industri.




Gambar 9 : Aktiviti ceramah Alam Sekitar



Gambar 10 : Aktiviti ceramah Alam Sekitar



Gambar 11 : Aktiviti ceramah Alam Sekitar



Gambar 12 : Aktiviti ceramah Alam Sekitar



Gambar 13 : Aktiviti ceramah Alam Sekitar

f) Pameran Alam Sekitar

Dalam memberi penerangan dan kesedaran alam sekitar, JAS Labuan telah mengadakan pameran-pameran di sekolah, industri dan agensi kerajaan yang lain. Pada tahun 2023 sebanyak sebelas (11) aktiviti pameran telah diadakan.



Gambar 14 : Aktiviti Pameran Alam Sekitar



Gambar 15 : Aktiviti Pameran Alam Sekitar

g) Aktiviti Pendidikan Bersama Rakan Strategik



Gambar 16 : Aktiviti Pendidikan Bersama Rakan Strategik



Gambar 17 : Aktiviti Pendidikan Bersama Rakan Strategik



Gambar 18 : Aktiviti Pendidikan Bersama Rakan Strategik

- h) Hebahan melalui media massa (Elektronik dan cetak)
- i) Seminar / Bengkel / Taklimat / Latihan
- j) Sumbangan Artikel Bagi Penerbitan Ilmiah

6.0 LATIHAN INDUSTRI PELAJAR IPT

Pada tahun 2023, JAS Labuan telah menerima tiga (3) pelajar institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menjalani latihan praktikal selama tiga (3) bulan. Pelajar ini telah didedahkan dengan pengurusan pentadbiran dan tugas-tugas Jabatan Alam Sekitar secara umum.

Bil	Nama Pelajar	Institusi	Tempoh Latihan
1	Nur Aliya Adibah Binti Hasanuddin	UPM	13.03.2023-02.07.2023
2	Nur Afini Binti Hambali	UMS	27.03.2023-16.07.2023
3	Wafera Sharmyne binti Raja Aga Khan	UITM	27.03.2023-21.07.2023

7.0 PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Selain mengadakan aktiviti pendidikan dan kesedaran, JAS Labuan juga menyediakan khidmat perpustakaan, di mana ianya menjadi sumber rujukan kepada orang awam, pelajar dan agensi yang ingin mendapatkan bahan rujukan berkaitan alam sekitar. Pada tahun 2023, terdapat empat (4) kunjungan bagi menggunakan perkhidmatan perpustakaan di pejabat JAS Labuan yang terdiri daripada pelajar sekolah, pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan juga dari Jabatan Kerajaan



Gambar 21: Perpustakaan JAS WP Labuan




Gambar 22 : Perpustakaan JAS WP Labuan



Gambar 25: Perpustakaan JAS WP Labuan

8.0 CARTA ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR TAHUN 2023



Disediakan oleh:

Jabatan Alam Sekitar W.P. Labuan
Tahun 2023

NOTA



**JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
UNIT 9C, TINGKAT 9, BLOK 4
KOMPLEKS UJANA KEWANGAN
87007 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

ISSN 3030-6833



9 773030 683000